

# Sempadan negara dibuka mulai 1 April

Keputusan berpandukan fakta terkini COVID-19, selain beri kelesaan untuk pengembara

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Nasaruddin Parzi dan Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan membuka sempadan negara bermula 1 April ini, dibuat kerajaan berdasarkan tiga perkara iaitu berpandukan sains dan fakta terkini berkaitan COVID-19, membandingkan keperluan pembukaan sempadan di negara lain serta kelesaan pengembara yang Malaysia kini adalah destinasi terbuka kepada semua, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, susulan pembukaan semula sempadan negara, rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah, kini boleh keluar masuk negara seperti biasa serta dibenarkan untuk pergi ke mana-mana negara yang turut membuka pintu sempadannya kepada pengembara luar.

“Rakyat negara luar dengan dokumen perjalanan sah juga boleh melakukan pergerakan keluar masuk ke Malaysia tanpa perlu memohon MyTravelPass yang akan dimansuhkan.

“Sebaliknya, hanya perlu muat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera serta melengkapkan *Pre-Departure Form* melalui fungsi *Traveller* dalam MySejahtera,” katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Ismail Sabri berkata, berikutan gelombang Omicron COVID-19 masih melanda negara, ada beberapa prosedur wajib dipatuhi sama ada rakyat Malaysia sendiri, mahupun pengembara



Ismail Sabri pada sidang media khas di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

luar yang ingin masuk ke negara ini.

“Bagi yang sudah menerima vaksinasi lengkap, tiada keperluan menjalani sebarang tempoh kuarantin dan hanya perlu melalui ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR dua hari sebelum berlepas serta ujian RTK-Ag (profesional) dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan.

“Bagi status vaksinasi lain seperti tidak menerima vaksin atas sebab perubahan dan tidak menerima sebarang vaksinasi, Menteri Kesihatan akan memperincikan prosedurnya untuk makluman umum esok (hari ini),” katanya.

Ismail Sabri berkata, kementerian yang berkaitan juga akan mengeluarkan senarai prosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan negara ini secara lebih terperinci pada waktu ter-

dekat, terutama berhubung prosedur di pintu masuk antara-bangsa darat dan laut.

“Saya juga ingin memaklumkan, bagi negara luar yang masih menutup pintu sempadannya, rakyat masih boleh memanfaatkan kaedah Vaccinated Travel Lane (VTL) yang dipersetujui Kerajaan Malaysia dengan negara yang terbabit,” katanya.

Susulan pengumuman langkah itu, Perdana Menteri berharap ia akan merancakkan semula ekonomi negara secara keseluruhan, khususnya industri pelancongan yang terjejas teruk akibat pandemik.

“Diharapkan rakyat yang ingin memanfaatkan pembukaan sempadan negara dapat melaksanakannya mengikut garis panduan yang ditetapkan demi keselamatan diri, orang sekeliling serta negara secara keseluru-

hannya,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yasin, berkata dengan pembukaan semula sempadan negara ini, Malaysia akan terus berada pada landasan tepat untuk pemulihan ekonomi negara yang diunjur berkembang antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus untuk tahun ini.

“Saya berharap SOP yang ditetapkan oleh kerajaan, terutamanya di pintu sempadan darat dan air seperti di pintu sempadan Johor-Singapura tidak membekankan dan senang difahami orang ramai.

“Saya juga ingin menegaskan kepada semua yang ingin menggunakan kemudahan pembukaan semula ini supaya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM),” katanya.